

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPU308 - Politik Wilayah-Wilayah Pilihan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. **SATU (1)** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA (2)** soalan lagi dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

Jawab Soalan 1 **ATAU** Soalan 2.

1. Pilih **dua** negara Asia Tenggara. Jelaskan mengenai kemunculan kelas menengah terpelajar di kedua-dua negara itu. Apakah peranan yang dimainkan oleh kelas menengah terpelajar ini akan menyumbang kepada kemajuan atau kemerosotan ekonomi? Apakah peranan itu akan menyumbang kepada demokrasi atau authoritarianisme?

[40 markah]

ATAU

2. Pilih **dua** negara Asia Tenggara di mana tentera memainkan peranan penting dalam politik. Bagaimanakah ia mengekal kedudukan utamanya? Sejauhmanakah pembangunan ekonomi mungkin akan atau telah mengubah keadaan ini?

[40 markah]

...2/-

BAHAGIAN B

Jawab **DUA** soalan.

3. Jelaskan bagaimana unsur-unsur budaya tradisi mempengaruhi proses politik di Negara Thai pada waktu pemerintahan Sarit Thanarat. Sejauhmanakah unsur-unsur budaya tradisi ini masih mempengaruhi proses politik di Negara Thai pada tahun 1980an dan 1990an?

[30 markah]

4. Huraikan bagaimana Marcos berjaya memegang teraju kepimpinan di Filipina dari 1972 hingga 1986. Kenapa pula rejim Marcos dijatuhkan pada Mac 1986?

[30 markah]

5. PAP telah berjaya mengekalkan kuasa di Singapura sejak 1959 hingga dewasa ini. Berikan alasan-alasan untuk kejayaan PAP ini. Apakah Singapura lebih merupakan sebuah ‘negara corporate-paternalism’ ataupun sebuah ‘negara birokratik-autoritarian’?

[30 markah]

6. Walaupun Indonesia telah mempunyai satu pergerakan kebangsaan yang kuat, dan ramai rakyat Indonesia terlibat dalam satu revolusi anti-penjajahan, namun, ketabilan politik tidak dicapai pada Era Liberalisme (1949-1957) mahupun pada waktu Demokrasi Terpimpin (1958-1965) yang berikutnya. Berikan alasan-alasan mengapa ketidakstabilan ini berlarutan selama lebih kurang 16 tahun itu.

[30 markah]

-- oo ooo oo --